



PUSPANITA

PERSATUAN SURI DAN ANGGOTA WANITA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

Rumah PUSPANITA : JKR 5171, Jalan Hose, 50460 Kuala Lumpur .

Tel : 03-2142 1332, 03-21482625, 03-21459425 Fax :03-2144 2996

Bangunan PUSPANITAPURI : Lot PT 2280-2283, Persiaran Seri Perdana Percint 10, 65520 Putrajaya.

Tel : 03-8884 0300 Fax 03-8888 6475

Ruj. Kami : PNT.P.700-8/14 Jilid 2 (40)

Tarikh : 17 Januari 2023

SEMUA PENERUSI PUSPANITA CAWANGAN KEMENTERIAN DAN NEGERI

SEMUA SETIAUSAHA PUSPANITA CAWANGAN KEMENTERIAN DAN NEGERI

YBhg. Puan Sri/ Datin Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin Sri/ Datin Paduka/ Datin/ To' Puan/ Puan,

JEMPUTAN MENYERTAI KARNIVAL SUKAN TAHUNAN PUSPANITA 2023

Dengan segala hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa PUSPANITA Kebangsaan dengan kerjasama Biro Sukan dan Rekreasi akan menganjurkan **Karnival Sukan Tahunan PUSPANITA 2023**. Karnival pada kali ini akan mempertandingkan dua kategori iaitu acara gelanggang (futsal, bola jaring dan bola tampar) serta acara balapan dan padang (acara larian, lontar peluru dan lompat jauh). Tempoh pendaftaran dan tarikh program akan berlangsung seperti butiran berikut:

Tempoh Pendaftaran	: 18 Januari 2023 (Rabu) – 13 Februari 2023 (Isnin)
Tarikh Program	: 17, 18 dan 19 Februari 2023 (Jumaat, Sabtu dan Ahad)
Tempat	: Sports Arena @ UNITEN, Persiaran Cendekiawan, 43000 Kajang, Selangor
Waktu	: Seperti di Maklumat Am Pertandingan
Syarat-syarat Pertandingan	: Seperti di Maklumat Am Pertandingan

3. Pertandingan adalah terbuka kepada semua ahli PUSPANITA yang berdaftar. Semua cawangan perlu menyertai **perbarisan kontinjen** yang akan diadakan sewaktu Majlis Perasmian Penutupan Karnival Sukan dengan sekurang-kurangnya 30 orang peserta dalam setiap perbarisan kontinjen pasukan cawangan. Semua cawangan adalah **DIWAJIBKAN** untuk menyertai Karnival Sukan ini berdasarkan bilangan pasukan atau peserta yang ditetapkan. Acara yang dipertandingkan dan bayaran penyertaan adalah seperti berikut:

Kategori A: Acara Permainan Gelanggang

Bil.	Jenis Pertandingan	Jumlah Penyertaan	Bayaran Penyertaan
1.	Kejohanan Futsal Piala KSN	37 pasukan	RM350.00/ pasukan
2.	Kejohanan Bola Jaring Piala YDP	37 pasukan	RM350.00/ pasukan
3.	Kejohanan Bola Tampar PUSPANITA	16 pasukan	RM350.00/ pasukan

*Nota: * Semua PUSPANITA Cawangan Kementerian dan Negeri diwajibkan menghantar satu (1) pasukan sahaja bagi pertandingan futsal dan bola jaring*

*** Penyertaan dalam pertandingan bola tampar adalah pilihan tambahan*

**** Yuran penyertaan Kategori A bagi setiap acara adalah sebanyak RM350.00.*

Kategori B: Acara Balapan dan Padang

Bil.	Jenis Pertandingan	Penyertaan Setiap Cawangan	Bayaran Penyertaan
1.	Larian 100m	1-2 orang peserta	RM500.00
2.	Larian 400m	1-2 orang peserta	
3.	Larian 1500m	1-2 orang peserta	
4.	Larian Berganti 4x100m	1 pasukan (4 orang peserta)	
5.	Larian Berganti 4x400m	1 pasukan (4 orang peserta)	
6.	Lompat Jauh	1-2 orang peserta	
7.	Lontar Peluru	1-2 orang peserta	
8.	Lumba Jalan Kaki 2000m (Veteran – 45 tahun dan ke atas)	1 orang peserta	

*Nota: * Semua PUSPANITA Cawangan Kementerian dan Negeri diwajibkan menghantar satu (1) peserta atau boleh menghantar maksimum dua (2) orang peserta sahaja bagi acara individu.*

*** Semua PUSPANITA Cawangan Kementerian dan Negeri diwajibkan menghantar satu (1) pasukan sahaja bagi acara larian berganti.*

**** Semua PUSPANITA Cawangan Kementerian dan Negeri boleh menghantar peserta yang berumur 45 tahun dan ke atas bagi acara lumba jalan kaki (2000m)*

*****Yuran penyertaan bagi Kategori B adalah sebanyak RM500.00 sahaja.*

4. Sehubungan itu, kerjasama setiap **Cawangan Kementerian dan Negeri** adalah **dimohon untuk** membuat pendaftaran dan pembayaran bagi pihak cawangan masing-masing. Pembayaran penyertaan boleh dibuat mulai **18 Januari 2023 (Rabu)** sehingga **13 Februari 2023 (Isnin)** melalui pautan <https://shop.puspanita.org.my/> atau kod QR berikut:



5. Bersama-sama ini disertakan lampiran **Syarat-syarat Pertandingan** untuk rujukan semua. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini boleh dikemukakan kepada urus setia di talian 03-8884 0304/ 0305/ 0315/ 0318.

6. Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Puan Sri/ Datin Seri/ Datin Sri/ Datin Paduka/ Datuk/ Datin/ To' Puan/ Puan dalam menjayakan **Karnival Sukan Tahunan PUSPANITA 2023** amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih jua.

Sekian, terima kasih.

“40 TAHUN PUSPANITA: MELAKAR SEJARAH, MEMPERKASA WANITA”

“WANITA SEPAKAT, NEGARA MENINGKAT”

Saya yang menjalankan amanah,

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Nur Hayati', with a stylized flourish at the end.

(NUR HAYATI BINTI ABDUL KARIM)

Setiausaha Agung PUSPANITA

b.p. Yang DiPertua PUSPANITA

s.k.:

- i. Yang DiPertua PUSPANITA
- ii. Bendahari Agung
- iii. Setiausaha Eksekutif
- iv. Fail